MAHATHIR-PEMIMPIN

1984

ALOR SETAR, 19 APR. (BERNAMA)-- DATUK SERX DR.MAHATHIR MOHAMAD MARX INI MENEGUR SETENGAH-SETENGAH PEMIMPIN UMNO YANG GHAIRAH BERKEMPEN SEJAK EMPAT ATAV LIMA BULAN DAHVLV SEMATA-MATA VNTVK HENDAPATKAN TEMQAT DALAN PARTI SEHINGGA MEMBELAKANGKAN TUGAS MASING-MASING.

+PEMIMPIN-PEMIMPIN LNL ASYIK KELVAR MASUK, MEMBUKA MESYUARAT CAWANGAN ITU DAM CAWANGAN INI DI SELURUH PELUSUK NEGARA. ADA YANG MEMBERI KAMBING, KERBAU DAN BERMACAM-MACAM LAGI VNTVK MEMANCING UNDI.+

PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA TERMASUK PARA MENTERI, TIMBALAN MENTERI DAN SETIAUSAHA PARLIMEN .

KITA BERI MEREKA GAJI UNTUK WENJALANKAM TUGAS NEGARA TETAPI MEREKA BUAT KERJA NAK JADI CALON SAJA,+ KATANYA SEMASA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU DEKAT SINI.

PERDANA MENTERI IALAH KETUA BAHAGIAN LTV.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN QARTX BERKATA TUJUAN MAJLIS TERTINGGI UMNO MEMUTUSKAN SUPAYA MESYUARAT UMNO BAHAGIAN TAHUN INI DITETAPKAN EMPAT HARI SAHAJA IALAH UNTUK MENGURANGKAN BERPOLITIK DAN BERKEMPEN DL KALANGAN ANGGOTA UMNO.

SEBELUM LNL BAHAGIAN-BAHAGIAN BOLEH MENGADAKAN MESYUARAT PADA BILA-BILA MASA SEBULAN SEBELUM PERHIMPUNAN AGUNG PARTI.

+KITA MEMBUAT KETETAPAN ITU VNTVK MENGELAKKAN ORANG-ORANG UMNO MEMANGGIL ORANG ITU DAN INI UNTUK BERKEMPEN BAN DALAM MASA EMPAT HARL ITU, SESEORANG PEMIMPIN CUMA DAPAT SEBANYAK-SEBANYAKNYA MERASMIKAN LAPAN MESYUARAT VNNO BAHAGIAN KERANA MEREKA TAK MUNGKIN PERGI KE SELURUH NEGARA. -- LAGI 1625/WS

MAHATHIR-PEMIMPIN 2 ALOR SETAR

+TETAPI NAMPAKNYA PEMIMPIN-PEMIMPIN INI LEBIH PANDAI. MEREKA PERGI MEMBUKA MESYUARAT CAWANGAN YANG DULUNYA CUMA DIHADIRI OLEH 50 ORANG KINI MENJADI SATU PERISTIWA BESAR-BESARAN SEHINGGA 143A YANG DIHADIRI 3,000 ORANG TERMASUK ORANG LUAR.+

PEMIMPIN-PEMIMPIN ITU KATANYA BERSIKAP: TIDAK DAPAT BERKEMPEN DI BAHAGIAN, DI CAWANGANPVN SUDAH MEMADAI SEHINGGA +KEMENTERIAN DAN NEGERI SENDIRI TIDAK BERJALAN, ASALKAN IA BERJALAN.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERETAKAN DALAM PRTI JELAS SUDAH TIMBUL DENGAN ADANYA PEMIMPIN YANG LUPA ASAS PEJWANGAN UMNO.

YANG DIUTAMAKAN OLEH MEREKA IALAH + SAYA JADI ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI UMNO.+

+SAYA SENDIRI KADANG-KADANG RASA KECEWA, SEHINGGSA SAYA PERNAH MEMIKIRKAN SIAPA NAK AMBIL-ALIH TEMPAT SAYA, AMBILLAH. TETAPI ADA PULA ORANG MARAH. KATA HEREKA SAYA TIDAK PATVT BERBUAT DEMIKIAN. +TAMBAHNYA.

BELIAU MEMINTA SEMUA ANGGOTA UMNO MERENUNG HAKLKAT BAHAWA UMNO BERKHIDMAT BAGI RAKYAT DAN BUKAN BERKHIDMAT UNTUK NENENTUKAN SIPOLAN SIPOLAN MENJADI PEMIMPIN.

PERDANA MENTERI MENGINGATKAN PEMIMPIN UMNO KHASNYA SUPAYA SEDAR BAHAWA MEREKA ADALAH ALAT RAKYAT DAN BUKAN RAKYAT MENJADI ALAT MEREKA. -- LAGI 1635/WS

MAHATHIR-PEMIMPIN 3 ALOR SETAR

BELIAU MEMINTA PEMIMPIN YANG HENDAK BERTANDING DAN MENGHARAPKAN SOKONGAN SUPAYA MENGAMALKAN SLKAP TERBUKA DAN MEMBENARKAN ORANG LUAR DATANG KE TEMPAT MEREKA UNTUK MERASMIKAN MESYUARAT UMNO.

+KITA PATUT TIDAK MELARANG ORANG DARI LUAR MEMASUKI TEMPAT KITA, JLKA KITA NAK BERTANDING. KALAU TIDAK NAK BERTANDING, TAK APALAH. +

+ JIKA KITA SUKAKAN DEMOKRASI DAN SVKA ORANG RAMAI MENYOKONG KITA, JANGAN BENDUNG TEMPAT KITA. KITA JANGAN BERSIKAP YANG KITA PUNYA JANGAN KACAU, YANG ORANG LAIN PUNYA, KLTA HENDAK.+ PEGASNYA.

DATUK SERI DR.MAHATHIR KESAL KERANA PEMIMPIN BERKENAAN MENUDUH ORANG LAIN TIDAK DEMOKRATIK JIKA MEREKA TLDAK DIBENARKAN MASUK KE KAWASAN ORANG LAIN, TETAPI LUPA BAHAWA MEREKA JUGA TIDAK DEMOKRATIK KERANA MENGHALANG ORANG LAIN MASUK KE KAWASAN MEREKA.

-- BERNAMA 1640/WS